

Penyeliaan Pengajaran Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Zon Tiram, Johor.

Hamdan Bin Said & Lim Seng Thay

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Amalan penyeliaan merupakan aspek yang penting dalam memantau keberkesanan pengajaran di sesebuah sekolah. Tujuan kajian dijalankan untuk meninjau pelaksanaan penyeliaan pengajaran di lima buah sekolah jenis kebangsaan cina di Zon Tiram, Johor. Aspek-aspek yang dikaji adalah terdiri daripada tanggapan guru terhadap penyeliaan pengajaran, tahap amalan penyeliaan pengajaran klinikal yang dijalankan di sekolah dan keberkesanan penyeliaan pengajaran. Kajian ini telah dilakukan di Zon Tiram, Johor. Seramai 217 orang responden telah dipilih secara rawak untuk menjayakan kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan di dalam kajian ini ialah soal selidik. Data-data yang diperolehi telah diproses dan dibuat analisis dengan menggunakan 'Statistical Package For Social Sciences' SPSS dan hasilnya dipersembahkan dalam bentuk jadual kekerapan, peratusan dan min. Hasil dapatan telah menunjukkan bahawa para responden mempunyai tanggapan yang negatif terhadap amalan penyeliaan pengajaran, amalan penyeliaan pengajaran klinikal yang dijalankan di sekolah juga berada pada tahap sederhana tinggi dan keberkesanan penyeliaan pengajaran pula hanya mencapai tahap kurang berkesan.

Katakunci : penyeliaan, pengajaran, tanggapan guru

Pengenalan

Sekolah yang cemerlang lahir dari pengurusan dan kepimpinan yang berkesan. Peranan yang dimainkan oleh pengetua dan guru besar sangat penting bagi menjadikan sekolah mereka sebuah institusi pembelajaran yang berkesan. Dengan keupayaan mereka menggembeling seluruh tenaga guru dan pelajar diyakini matlamat menjadikan sekolah mereka sekolah cemerlang akan tercapai. Tumpuan pengurusan sekolah kepada usaha untuk meningkatkan tahap kecemerlangan akademik akan membolehkan guru-guru melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran mereka dengan lebih yakin, teratur dan berkesan. Keberkesanan pengajaran guru perlu ditingkatkan dalam usaha untuk menjadikan sekolah sebagai sebuah pusat kecemerlangan iaitu tempat penyebaran ilmu pengetahuan dan penyampaian pelbagai jenis kemahiran serta pembentukan keperibadian pelajar.

Dalam menjalankan penyeliaan di bilik darjah, guru besar perlu mempunyai pengetahuan yang cukup serta kemaskini tentang perubahan sukatan pelajaran. Guru besar juga harus mempunyai kemahiran dan kecekapan dalam mengesan masalah-masalah pedagogi yang timbul di dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta dapat mengemukakan cadangan-cadangan yang munasabah untuk membaiki kelemahan yang dikesaninya. Justeru, guru besar juga perlu mempunyai kebolehan untuk berkomunikasi agar dapat mempengaruhi guru yang diseliannya untuk mengubah cara dan sikap dalam menjalankan tugas. Menurut Asnah (1993), gaya guru besar berinteraksi dalam penyeliaan mempengaruhi guru dalam menjalankan tugas terutamanya selepas penyeliaan dilakukan. Contohnya, sokongan dan cara arahan, penerangan yang positif dapat membantu guru meningkatkan pengajarannya. Interaksi yang baik sudah tentu dapat mengelakkan wujud pertembungan antara guru dan guru besar dan ini sudah tentu akan mewujudkan ketidaksefahaman haluan.

Tugas dan tanggungjawab guru di sekolah atau di bilik darjah ialah mengajar dan mendidik pelajar secara serius sehingga pelajar tersebut dapat menguasai kemahiran atau ilmu

yang diajarkannya. Pengajaran yang berkesan akan dapat membantu pelajar memperkembangkan intelek, sosial dan personal dengan baik. Setiap guru mesti merancang pengajarannya supaya tersusun dan berfokus. Pemilihan tajuk dan isi pelajaran mestilah sesuai supaya dapat disampaikan kepada murid dengan berkesan. Objektif pengajarannya guru mesti mudah difahami dan jelas hala tuju yang hendak dicapai. Di samping itu, guru tersebut perlu menentukan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai dan menarik bagi mewujudkan rangsangan kepada murid untuk belajar.

Pernyataan Masalah

Ketidakhahaman tentang proses dan konsep penyeliaan akan menyebabkan penyeliaan diberikan tanggapan yang negatif oleh guru-guru dan dilihat sebagai helah untuk mencari salah. Jika ini berlaku maka peranan guru besar sebagai pemimpin pengajaran juga diragui dan dipersoalkan. Kekeliruan ini ditambah lagi berikutan ada guru besar yang mendelegasikan fungsi menyelia kepada guru penolong kanan yang juga diragui kemahiran dan kebolehan mereka di dalam penyeliaan pengajaran. Berikutan dengan tindakan konsep dan amalan penyeliaan sudah tergelincir dari konsep asasnya.

Kajian ini bertujuan untuk melihat tanggapan guru terhadap penyeliaan pengajaran dan amalan pelaksanaan penyeliaan dalam kalangan guru di sekolahsekolah jenis kebangsaan di Pasir Gudang, Johor. Kajian ini juga turut meninjau implikasi penyeliaan dalam meningkatkan profesionalisme guru-guru di sekolahsekolah jenis kebangsaan di Pasir Gudang, Johor.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk :

- i) Menenalpasti tanggapan guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di sekolah.
- ii) Menenalpasti amalan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah.
- iii) Menenalpasti keberkesanan amalan penyeliaan pengajaran terhadap tahap profesionalisme guru.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk menjawab persoalan di atas dan seterusnya menjadi panduan kepada guru dan guru besar sekolah.

- i. Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada guru besar dalam mengadaptasikan fungsi penyeliaan pengajaran yang sebenar.
- ii. Kajian ini diharap dapat dijadikan panduan untuk guru-guru memahami proses penyeliaan pengajaran yang dipertanggungjawabkan kepada guru besar dan pengetua. Dengan cara sedemikian diharapkan dapat mengikis tanggapan-tanggapan negatif terhadap penyeliaan yang dilakukan oleh guru besar. Di samping itu, memperkukuhkan hubungan profesionalisme antara guru besar dan guru.
- iii. Dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan oleh guru besar untuk melaksanakan penyeliaan pengajaran ke arah pengurusan sekolah berkesan serta dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam proses penyeliaan pengajaran yang telah dijalankan.
- iv. Diharap melalui kajian ini, pandangan sebenar guru terhadap penyeliaan pengajaran diperolehi. Hasil maklum balas ini boleh dijadikan rujukan untuk meningkatkan kualiti

pengajaran pada masa akan datang dan seterusnya menyediakan langkah-langkah terbaik untuk mengubah pandangan negative guru terhadap penyeliaan.

- v. Dapatan kajian ini diharap akan memberikan input kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia mengenai situasi sebenar pelaksanaan penyeliaan pengajaran yang telah diarahkan kepada pentadbir sekolah agar dapat membuat penilaian dan tindakan yang sewajarnya terhadap amalan pelaksanaan penyeliaan pengajaran di sekolah-sekolah.

Rekabentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah kaedah atau teknik yang digunakan untuk mengumpul maklumat bagi menyelesaikan masalah kajian dan ia mestilah berasaskan tujuan utama kajian. Reka bentuk kajian dirancang dengan tujuan untuk memperoleh jawapan kepada soalan-soalan kajian yang dipilih.

Kajian ini menggunakan rekabentuk deskriptif untuk mendapatkan hasil maklum balas. Vockel (1983) menyatakan bahawa penyelesaian secara deskriptif memberikan gambaran tentang keadaan yang sedia ada. Kajian ini dilakukan bagi mendapat maklumat tentang sesuatu keadaan atau fenomena yang sedang berlaku (Mohd. Majid, 2000). Pernyataan ini juga disokong oleh Best dan Khan (1998) yang menyatakan bahawa penyelidikan deskriptif merupakan kajian bagi melihat sesuatu keadaan yang lepas atau proses yang sedang berlaku.

Penyelidikan deskriptif adalah satu kajian yang masih belum diterokai oleh mana-mana pengkaji (Syed Arabi, 1998). Penyelidikan deskriptif ini hanya member gambaran tentang keadaan yang sedia ada mengenai amalan penyelidikan di sekolah. Kajian berbentuk tinjauan ini akan menggunakan soal selidik sebagai instrument kajian. Data dikumpul menggunakan kaedah kuantitatif. Data kuantitatif dipilih kerana ianya adalah piawai, mudah dianalisa, sistematik dan mudah diproses.

Persampelan

Populasi adalah perkara yang penting kerana ia menentukan bidang masalah yang perlu dikaji serta sebanyak mana data dan maklumat yang perlu dikumpul. Menurut Mohd. Majid (2000), populasi mestilah ditentukan dan dikaji dengan teliti agar keputusan kajian yang dipilih berkesan. Ia juga akan menentukan masa, tenaga dan perbelanjaan yang akan digunakan untuk melaksanakan penyelidikan.

Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru sekolah jenis kebangsaan cina di Zon Tiram, Johor. Jumlah populasi tersebut yang diperolehi dari Jabatan Pelajaran Negeri, Johor adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Taburan populasi mengikut sekolah jenis kebangsaan cina di Zon Tiram, Johor.

Bil.	Nama Sekolah	Bil. Guru
1	SJK (C) BAN FOO	17
2	SJK (C) FOON YEW	109
3	SJK (C) JOHOR JAYA	124
4	SJK (C) PANDAN	133
5	SJK (C) TIRAM	141
Jumlah		524

Sumber: Jabatan Pelajaran Negeri, Johor

Terdapat 5 buah sekolah jenis kebangsaan cina di Zon Tiram, Johor dan kesemuanya dijadikan populasi kajian. Jumlah guru yang termasuk dalam populasi ialah 24 orang. Dengan menggunakan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970), seramai 217 orang sampel telah dipilih secara rawak. Bilangan sampel bagi setiap sekolah ditunjukkan di dalam Jadual 2:

Jadual 2: Pemilihan Sampel Kajian.

Bil.	Nama Sekolah	Bil. Guru
1	SJK (C) BAN FOO	10
2	SJK (C) FOON YEW	50
3	SJK (C) JOHOR JAYA	50
4	SJK (C) PANDAN	50
5	SJK (C) TIRAM	57
Jumlah		217

Borang soal selidik dihantar secara terus ke sekolah-sekolah melalui guru besar sekolah berkenaan. Bagi memudahkan responden mengembalikan soal selidik yang telah dilengkapkan, sebuah sampul surat besar telah disediakan untuk mengisi semua borang soal selidik yang telah lengkap. Kesemua borang soal selidik dikumpulkan melalui kerani dari setiap buah sekolah yang terlibat seminggu selepas soalan soal selidik dihantar dengan kebenaran guru besar setiap sekolah yang terlibat.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Instrumen ini diubah suai oleh pengkaji daripada kajian yang dibuat oleh Mohd Ruzi Muhammad Shafie (2001) dari Universiti Teknologi Malaysia yang bertajuk 'Persepsi Guru Terhadap Pencerapan Pengajaran di Lima Buah Sekolah Daerah Johor Bahru'. Soal selidik ini bertujuan untuk mengumpul maklumat tentang keberkesanan amalan penyeliaan pengajaran terhadap peningkatan profesionalisme guru iaitu, kualiti pengajaran, hubungan profesional, perkongsian maklumat dan bantuan dalam proses pengajaran.

Borang soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C. Bahagian A mengandungi 5 item yang berkaitan dengan latar belakang responden. Bahagian ini melihat item jantina, bangsa, kelulusan akademik tertinggi, pengalaman mengajar dan kekerapan guru diselia di sepanjang tempohh perkhidmatan. Bahagian ini menggunakan skala norminal dan guru perlu menandakan pilihan jawapan daripada cadangan jawapan yang disediakan.

Bahagian B menyenaraikan item-item yang bertujuan untuk meninjau tanggapan guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di dalam kelas dan mengenal pasti tahap amalan penyeliaan yang dijalankan di sekolah. Bahagian ini mengandungi 18 item soalan. Responden dikehendaki menjawab item kajian tentang aspek-aspek berikut:

Jadual 3: Taburan item tanggapan guru terhadap penyeliaan dan amalan penyeliaan pengajaran

	ASPEK KAJIAN	NO. ITEM	JUM. ITEM
I	Tanggapan guru terhadap penyeliaan pengajaran	1, 3, 5, 7, 9, 12 dan 18	7
II	Amalan penyeliaan pengajaran kilinikal yang dijalankan di sekolah	2, 4, 6, 8, 10, 11, 13, 14, 15, 16 dan 17	11

Bahagian C mengandungi sebanyak 21 item yang meninjau implikasi penyeliaan pengajaran terhadap peningkatan profesionalisme guru. Dalam kajian ini empat aspek utama dikaji:

Jadual 4 : Taburan item implikasi penyeliaan pengajaran.

Bil	KAJIAN DARI ASPEK KEBERKESANAN	NO. ITEM	JUMLAH ITEM
1.	Meningkatkan kualiti pengajaran guru	1, 9, 10, 11, 13, dan 21	6
2.	Memperkukuhkan hubungan profesionalisme	2, 6, 12, 16, dan 20	5
3.	Berkongsi pengalaman dan pengetahuan	3, 5, 7, 14, dan 19	5
4.	Membantu guru dalam proses pengajaran	4, 8, 15, 17 dan 18	5

Skala yang digunakan untuk mengukur pemarkahan Bahagian B dan Bahagian C ialah menggunakan kaedah Skala Likert berdasarkan lima peringkat iaitu Sangat tidak setuju, Tidak setuju, Kurang setuju, Setuju dan Sangat setuju.

Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan kajian yang dijalankan sebelum borang soal selidik digunakan dalam kajian sebenar. Kajian rintis dijalankan untuk mengukur kesahan dan kebolehpercayaan item soalan. Pengkaji dapat mengenalpasti kelemahan dalam instrumen kajian. Oleh itu, pengkaji berpeluang untuk membuat beberapa perubahan bagi mempertingkatkan lagi mutu instrumen kajian.

Menurut Best dan Khan (1998), item yang dibina perlu diuji bagi menentukan kualiti dan mencapai objektif penyelidikan yang dijalankan. Oleh itu, kajian rintis perlu dilakukan untuk menentukan aras signifikan item soalan yang dibina sesuai dan diterima.

Dengan menjamin kesahan instrument kajian ini, sebelum menjalankan kajian rintis, sample item soalan (Rujuk Lampiran A) telah diserahkan kepada pensyarah, iaitu Dr. Al-Muz-zammil Yasin dan Encik Shahrin Bin Hashim yang berpengetahuan luas dalam bidang ini untuk disemak. Manakala kebolehpercayaan instrument kajian ini pula diperolehi melalui dapatan dari kajian rintis yang dijalankan.

Kebolehpercayaan membawa maksud sejauh manakah sesuatu instrumen itu dapat memberikan maklumat yang konsisten. Menurut Mohd. Majid (2000) pula, kebolehpercayaan

akan memberi darjah ketekalan dan ketepatan instrument pengukuran. Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan memberi keputusan yang sama setiap kali ia digunakan di dalam situasi setara. Pendapat ini telah disokong oleh Yap et al. (1989) yang menyatakan kebolehpercayaan mementingkan ketekalan, ketepatan, atau kejituan ukuran yang dibuat. Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan member keputusan yang hampir.

Menurut Abu Hassan dalam Rohana (1996), untuk menjalankan kajian rintis, bilangan responden yang tidak melebihi 20 orang adalah sesuai untuk penyelidikan yang melibatkan soal selidik. Oleh itu, seramai 10 responden telah dipilih secara rawak mudah oleh pengkaji untuk dijadikan sample dalam kajian rintis bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen. Kajian rintis ini dijalankan ke atas guruguru di Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Kempas, Johor Bahru. Sekolah ini dipilih kerana ia terdiri daripada mereka yang tidak terlibat sebagai responden dalam kajian sebenar. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan Statistical Package For Sosial Science Version 12.0 (SPSS).

Jadual 5 : Pekali Alfa Cronbach

Nilai	Tahap
0.0 - 0.2	Rendah (ubah kesemua item)
0.2 - 0.8	Sederhana (ubah sebilangan item)
0.8 - 1.0	Tinggi (item boleh diterima)

Sumber : Mohd. Majid, 1994

Asil dapatan Cronbach's Alpha yang diperolehi adalah sebanyak 0.848. Ini telah menunjukkan indeks kebolehpercayaan mempunyai tahap yang tinggi dan setiap item boleh diterima.

Penerimaan Responden Keberkesanan Penyeliaan Pengajaran

Jadual 6 menunjukkan tahap penerimaan responden keberkesanan penyeliaan pengajaran.

Nilai min keseluruhan bagi tahap penerimaan responden terhadap keberkesanan penyeliaan pengajaran seperti yang ditunjukkan dalam jadual 6 adalah 3.31. Nilai min yang tertinggi adalah pada meningkatkan kualiti pengajaran guru iaitu 3.46 dengan 60.9% berada pada tahap tinggi, 34.9% pada tahap sederhana dan 4.2% pada tahap rendah. Diikuti dengan nilai min bagi membantu guru dalam proses pengajaran adalah 3.36. Peratusan responden pada tahap tinggi adalah 58.5%, pada tahap sederhana adalah 36.5% dan pada tahap rendah adalah 5.0%. Seterusnya, nilai min bagi berkongsi pengalaman dan pengetahuan adalah 3.42 dengan 58.2% pada tahap tinggi, 38.8% pada tahap sederhana dan 3.0% adalah pada tahap rendah. Manakala, nilai min bagi memperkukuhkan hubungan profesionalisme adalah 3.01 di mana 58.2% berada pada tahap tinggi, 38.8% pada tahap sederhana dan 3.0% pada tahap rendah.

Jadual 6 Tahap Penerimaan Responden Keberkesanan Penyeliaan Pengajaran

Pernyataan	Tahap Penerimaan Responden			Min
	Rendah (1.00 – 2.33)	Sederhana (2.34 – 3.67)	Tinggi (3.68 – 5.00)	
Meningkatkan kualiti pengajaran guru	4.2%	34.9%	60.9%	3.46
Memperkukuhkan hubungan profesionalisme	3.0%	38.8%	58.2%	3.01
Berkongsi pengalaman dan pengetahuan	8.3%	33.8%	57.8%	3.42
Membantu guru dalam proses pengajaran	5.0%	36.5%	58.5%	3.36
Purata				3.31

Perbincangan

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tanggapan guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran, tahap amalan penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di sekolah, dan implikasi penyeliaan pengajaran terhadap peningkatan profesionalisme guru di lima buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di Zon Tiram, Johor. Tiga persoalan kajian dibina berdasarkan aspek tanggapan guru terhadap penyeliaan pengajaran, amalan penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di sekolah, dan juga implikasi penyeliaan pengajaran terhadap peningkatan profesionalisme guru.

Reka bentuk kajian keperihalatan atau deskriptif digunakan dalam kajian ini. Terdapat seramai 524 orang guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Zon Tiram, Johor. Dengan berpandukan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970), seramai 217 orang responden telah dipilih secara rawak mudah. Kesemua sampel yang terlibat adalah guru-guru yang telah berkhidmat lebih daripada 2 tahun dan pernah diselia oleh guru besar atau wakil guru besar.

Soalselidik yang diubahsuai dari kajian terdahulu telah digunakan untuk mendapatkan data. Borang soal selidik ini terdiri daripada 3 bahagian: Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C. Bahagian A adalah mengenai latar belakang responden yang mempunyai 5 item. Bahagian B terdiri daripada 18 item yang mempersoalkan mengenai tanggapan guru terhadap penyeliaan pengajaran dan amalan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah. Bahagian C pula terdiri daripada 21 item yang mempersoalkan mengenai implikasi amalan penyeliaan pengajaran terhadap peningkatan profesionalisme guru-guru.

Data kajian ini dianalisis secara sistematik dengan menggunakan perisian komputer Statistical Package for Sosial Sciences (SPSS) Version 12.0. Keputusannya dipersembahkan dalam bentuk kekerapan atau frekuensi, peratusan, dan min seperti mana yang dinyatakan dalam bab IV.

Persoalan kajian yang ketiga dalam kajian ini adalah mengenai tahap keberkesanan amalan penyeliaan pengajaran terhadap peningkatan profesionalisme guru bagi guru sekolah jenis kebangsaan Cina di Zon Tiram, Johor. Pada keseluruhannya min bagi persoalan kajian ini adalah tiga persepuluh dua puluh tujuh dan berada pada tahap kurang berkesan. Ini telah menunjukkan bahawa amalan penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan kini harus diubah suai supaya dapat membawa kesan yang lebih positif pada masa akan datang.

Tahap keberkesanan amalan penyeliaan pengajaran terhadap peningkatan profesionalisme dalam aspek kualiti pengajaran merupakan telah dikaji dalam persoalan kajian yang ketiga ini. Sebanyak enam item yang berkaitan telah dibina. Antaranya ialah item 1, 9, 10, 11, 13, dan 21. Pencapaian min yang paling tinggi dalam keenam-enam item ialah item 21. Min bagi item 21 ialah 3.83 dan ia berada pada tahap kurang berkesan. Item ini menyatakan bahawa penyeliaan menggerakkan guru menyediakan alat bantu mengajar. Item ini juga merupakan item yang mencapai min yang tertinggi dalam persoalan kajian ketiga. Sebanyak tujuh puluh tujuh persepuluh sembilan peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Penggunaan alat bantu mengajar memainkan peranan untuk membantu murid-murid memahami sesuatu topik yang disampaikan dengan lebih mudah dan jelas. Penggunaan alat bantu yang sesuai dapat mempertingkatkan kefahaman murid terhadap topik yang disampaikan maka boleh dikatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran itu adalah berkualiti dan berkesan serta dapat mempertingkatkan tahap profesionalisme seseorang guru. Pernyataan ini adalah selaras dengan pendapat Abdul Rahman (1987) yang menyatakan bahawa kepentingan penyeliaan pengajaran adalah untuk mempertingkatkan prestasi murid dan juga profesionalisme guru.

Penyelia memainkan peranan untuk menggalakkan guru menggunakan dapatan dan idea baru untuk meneroka kaedah pengajaran yang baru (Mohd Salleh, 2000). Item sembilan yang dibina dalam persoalan kajian tiga ini adalah berkaitan dengan pernyataan di atas, iaitu penyeliaan membolehkan guru meneroka kaedah baru pengajaran dan pernyataan ini telah disetujui oleh enam puluh satu persepuluh tiga peratus responden. Penyelia akan membimbing guru di bawah seliaannya supaya menggunakan dapatan dan idea baru untuk meneroka kaedah baru dan sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana kepelbagaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat menarik perhatian dan minat belajar murid terhadap mata pelajaran yang disampaikan. Tambahan pula, pengajaran dan pembelajaran seperti inilah yang akan membawa hasil yang cemerlang dan turut akan meningkatkan mutu pengajaran mereka.

Rujukan

- Aminuddin Adam (2005). Penyeliaan dan Penilaian. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kepimpinan Instruksional Untuk Pengetua/Guru Besar.
- Asnah Abdul Hamid (1995), Penyeliaan Dalam Pengurusan Organisasi Pendidikan: Satu pendekatan Kaunseling. Jurnal Pendidikan. Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jilid 4, Bil. 2..
- Best dan Khan (1998), Reseach In Education. Boston: Allyn and Bacon.
- Boardman, W.C., Dougless R.H.I dan Bent K.R. (1953). Democratic Supervision In Secondary School. Massachusetts: Houghton Mifflin Company.
- Chua, Y.P. (2006). Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd..
- Duke, D.L. (1993). Educational Leadership. London: Paul Chapman
- Dewan Bahasa Dan Pustaka (1998). Kamus Dewan Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Glickman, C.D. (1989). *Supervision of Instruction. A Development Approach*. Georgia: Allyn and Bacon Inc
- Mohamad Ruzi bin Muhammad Shafie (2001). *Perpesi Guru Terhadap Pencerapan Pengajaran Di Lima Buah Sekolah Daerah Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia: Tidak diterbitkan.
- Rahimah Hj. Anuar (1986). *Penyeliaan Klinikal: Satu Pendekatan Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah*. *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*. 32.24-32.
- Rohana Hamzah (1996). *Pelaksanaan Kemahiran Hidup Dalam Melahirkan Pelajar Berketrampilan Di sekolah Menengah*. Universiti Putra Malaysia: Tidak diterbitkan.
- Saedah Siraj (2001). *Perkembangan Kurikulum: Teori Dan Amalan*. Selangor: Alam Pintar Enterprise.
- Sergiovanni, T.J. (1995). *The Principalship: A Reflectives*. Boston: Allyn and Bacon.
- Sergiovanni, T.J. dan Starratt, R.J. (1993). *Supervision A Redefinition*. New York: McGraw Hill, Inc.
- Wan Mohd Zahid Wan MOhd Nordin (1987). *Ke Arah Pengurusan Dan Penyeliaan Bilik Darjah*. Kertas kerja dibentangkan dalam Persidangan Pegawai-pegawai Pendidikan Daerah Kali ke 5 di Kota Bahru , Kelatan.
- Yap, Y.K., Wan, Chew Seng, Ismail Abu Baker (1989). *Pengukuran dan penilaian dalam pendidikan Edisi ketiga*. Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd..